

Faktor Penentu Kepuasan Firma Terhadap Letakan Lokasi Industri: Satu Kajian Kes

A Case Study on Factors Determining Factors Firms Satisfaction towards Industrial Location

Hasnah Ali (hasnah_ali03@yahoo.co.uk)
Sanep Ahmad (nep@ukm.my)
Emaliana Ramli (emaliana86@gmail.com)
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Model Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh kerajaan merupakan aspirasi negara bagi menyediakan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Melalui Program Transformasi Ekonomi dijangka dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Program ini dibentuk bagi merealisasikan wawasan 2020 dengan memastikan Malaysia mampu meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita daripada AS\$6,700 atau RM23,700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48,000 pada 2020. Satu pendekatan utama dalam peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi adalah dengan memberi tumpuan kepada 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang berpotensi untuk menjana pendapatan tinggi. Oleh itu, kerajaan giat berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing ke Malaysia melalui kerjasama sektor awam dan swasta. Oleh itu, letakan lokasi industri oleh firma adalah penting bagi memastikan wujudnya keseimbangan di antara wilayah yang ingin dibangunkan. Beberapa faktor kritikal dalam pemilihan lokasi industri di Malaysia adalah seperti pengangkutan, tenaga buruh, bahan mentah, pasaran, tapak industri, cukai, utiliti, masyarakat, polisi kerajaan dan cuaca di negara yang dipilih. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam proses membuat keputusan letakan industri oleh syarikat antarabangsa yang membuat FDI di Malaysia. Kertas kerja ini cuba untuk mengkaji kepuasan firma dalam pemilihan letakan lokasi industri dan faktor-faktor penentu kepuasan firma. Kajian menggunakan kaedah *survey* yang didapati daripada soal selidik. Sebanyak 853 firma antarabangsa dan tempatan dipilih sebagai responden. Kajian ini menggunakan *Structured Equation Model* (SEM) bagi membuat pengukuran terhadap kepuasan letakan lokasi oleh firma serta hubungan diantara faktor-faktor yang dikaji. Model struktur akan diuji menggunakan AMOS. Hasil kajian menunjukkan daripada 80 pembolehubah yang diukur bagi menentukan kepuasan firma dalam pemilihan lokasi industri hanya 15 pembolehubah yang terdiri daripada 6 faktor yang menyumbangkan tahap kepuasan yang paling tinggi. Faktor tersebut adalah daripada faktor pertama iaitu masyarakat, kedua faktor pasaran, ketiga faktor undang-undang kerajaan, keempat faktor antarabangsa, faktor kelima pula adalah pengangkutan dan buruh manakala faktor keenam adalah bahan bakar.

Katakunci: Kepuasan firma, Letakan lokasi industri, SEM

ABSTRACT

The New Economic Model introduced by the government is the country's aspiration to provide high-income countries. Economic Transformation Programme is expected to improve the quality of life particularly the low income group. This programme is designed to realize the vision of 2020 by ensuring that Malaysia is able to increase gross national income (GNI) per capita of U.S. \$ 6,700 or RM23,700 in 2009 to more than U.S. \$ 15,000 or RM48,000 in 2020. A key approach in the transition to high-income economies are focusing on 12 of the country's main economic areas (NKEAs) that are potential to generate higher income. Therefore, the government is actively seeking to attract more foreign direct investments into Malaysia through joint public and private sectors. Thus, the location of industries is essential to ensure a balanced distribution between the regions. Some critical factors in choosing the location of industries in Malaysia are transportation, labour, raw materials, markets, industrial sites, taxes, utilities, communities, government policy and weather in selected countries. These factors play important role in decision-making by domestic and foreign industries with regards to the choice of location. This paper attempts to examine the firm satisfaction with the choice of

location and the factors determining the satisfaction of the firms. The study used survey methods that were available from the questionnaire. A total of 853 international and local firms were sampled. This study used the Structured Equation Model (SEM) to make measurements on the satisfaction of placing the location of the firms and the relationship between the factors studied. Structural model will be tested using AMOS. The results showed that out of 80 variables measured to determine the satisfaction of industrial firms in the choice of location, only 15 variables consisting of six factors that contributed to the highest level of satisfaction. These factors are from the first factor namely the society, secondly is the market factor, the third is government laws factor, the fourth is international factors, the fifth is the transportation and labor factors, and finally the sixth factor the fuel.

Keywords: Firm satisfaction, Industrial location, SEM

PENGENALAN

Peletakan lokasi industri oleh firma antarabangsa mahupun tempatan amat penting bagi memastikan kecekapan dan keuntungan syarikat. Oleh itu proses pembuatan keputusan letakan lokasi industri oleh firma akan mengambil kira beberapa faktor penting bagi menjamin pengekalan syarikat pada masa hadapan. Pelbagai faktor kritikal seperti kemudahan pengangkutan, buruh, bahan mentah, pasaran, tapak industri, utiliti, undang-undang kerajaan, struktur cukai dan masyarakat merupakan antara faktor utama menjadi indikator kepada firma baru untuk membina kilang disesebuah kawasan perindustrian.

Kajian empirikal yang dilakukan oleh penyelidik sebelum ini keatas lokasi industri membuktikan wujud beberapa faktor kritikal yang mempengaruhi pembuatan keputusan untuk membina firma baru disesuatu tapak industri (Forbes, 1982; Coughlin et al, 1990, 1991; Mazzoral dan Choo, 2003; Wood dan Parr, 2005). Kajian lepas menunjukkan firma antarabangsa mahupun tempatan akan mengenalpasti, menganalisis dan membuat penilaian keatas faktor-faktor kritikal bagi memastikan jaminan kecekapan dan prestasi syarikat untuk jangka masa panjang.

Selain itu daya saing negara dalam menarik lebih banyak FDI juga sangat bergantung kepada faktor-faktor kritikal ini bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan dan maju pada masa hadapan. Oleh itu, pelbagai insentif dan kemudahan disediakan kerajaan untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak firma tempatan mahupun antarabangsa dinegara ini. Faktor-faktor kritikal ini juga haruslah sentiasa ditingkatkan kualitinya dan diperbaiki bagi memastikan firma terus mendapat manfaat daripada penubuhannya di sesebuah lokasi industri.

Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor penentu kepuasan firma terhadap letakan lokasi. Kertas kerja ini juga menerangkan hubungan kepuasan firma dengan faktor-faktor yang dikaji disamping mengukur faktor yang lebih memberi kepuasan kepada firma setelah memilih letakan lokasi industri. Ini kerana antara banyak faktor yang mempengaruhi letakan lokasi industri terdapat beberapa faktor yang benar-benar memberi kepuasan maksimum kepada firma.

Urutan perbincangan kertas kerja ini adalah seperti berikut. Bahagian pertama akan membincangkan mengenai kajian lepas mengenai faktor pemilihan lokasi industri oleh firma baru dan FDI serta diikuti oleh bahagian 3 yang mana menyentuh mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Manakala bahagian 4 menerangkan mengenai hasil kajian yang diperolehi sementara bahagian 5 merupakan kesimpulan kepada dapatan kajian.

KAJIAN LEPAS

Pelbagai faktor mempengaruhi pemilihan letakan lokasi industri oleh firma antarabangsa mahupun firma dalam negara. Faktor-faktor kritikal yang biasanya mempengaruhi letakan lokasi oleh firma adalah seperti pengangkutan, buruh, bahan mentah, pasaran, tapak industri, utiliti, sikap kerajaan, cukai, cuaca dan masyarakat. Bagi firma antarabangsa empat faktor dikenalpasti mempengaruhi letakan lokasi industri seperti keadaan politik negara asing, persaingan diperingkat global, jangka hayat (*survival*), undang-undang kerajaan dan faktor-faktor ekonomi (Masood A. Badri, 2007).

J. Du, et al., (2008) dalam kajiannya cuba membuat perbandingan mengenai faktor-faktor sensitif dalam pemilihan letakan lokasi industri di negara China oleh enam negara seperti Hong Kong, Taiwan, US, EU, Jepun, dan Korea. Kajian ini mendapati persamaan budaya memainkan peranan penting kepada syarikat asing untuk membuat pelaburan langsung di negara lain kerana mudah mengadaptasi dan belajar budaya negara tersebut. Keputusan firma untuk membuat pelaburan di negara asing juga sangat bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman dengan pasaran tempatan. Selain itu

kajian ini cuba meneliti kepentingan institusi ekonomi disamping faktor-faktor yang lebih konvensional seperti bilangan ekonomi, kos pengeluaran dan infrastruktur sebagai penentu pilihan letakan lokasi industri oleh firma.

M.P. Devereux et al., (2006) dalam kajiannya mendapati wilayah yang mempunyai struktur industri akan mempengaruhi kemasukan industri baru dilokasi tersebut. Didapati bantuan kerajaan hanya memberi kesan yang kecil dalam menarik kemasukan firma kesesuatu lokasi dan didapati firma juga kurang responsif terhadap subsidi kerajaan di kawasan di mana terdapat sedikit firma yang sama dengan industri tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa subsidi kurang berkesan dalam mempengaruhi keputusan pemilihan lokasi oleh firma bagi mendapatkan manfaat *countervailing co-location*. Keputusan kajian juga menunjukkan firma memilih untuk membina kilang baru dikawasan pengelompokan industri yang sama. Selain itu kajian juga mendapati bahawa perkembangan ekonomi wilayah memberi impak yang signifikan keatas pemilihan letakan lokasi industri.

Duanmu, J.L., (2010) membuat kajian mengenai faktor penentu lokasi oleh *Chinese Multinational Enterprises* (MNEs). Kajian mendapati syarikat multinasional ini kurang memberi perhatian mengenai risiko politik negara asing tetapi lebih responsif kepada kadar pertukaran Chinese RMB dan kadar pertukaran negara tuan rumah. Syarikat MNEs biasanya memilih lokasi perindustrian yang berorientasikan pelaburan berbanding syarikat trading. Selain itu MNEs lebih berminat membuat pelaburan dalam negara yang mempunyai saiz pasaran yang besar dan lebih responsif kepada struktur kos yang rendah di negara tuan rumah.

S.J. Kang dan H.S. Lee (2007) dalam kajiannya menggunakan kaedah *Conditional logit estimation* mendapati syarikat Multinasional Korea Selatan yang mempunyai hubungan dengan syarikat di China membuat pilihan letakan lokasi industri berdasarkan saiz pasaran dan polisi kerajaan di zon-zon ekonomi yang dipilih. Selain faktor kualiti buruh, infrastruktur pengangkutan juga memainkan peranan yang positif dalam membuat keputusan letakan lokasi industri oleh Syarikat Multinasional. Walaubagaimanapun, kos buruh, pengangkutan air dan jarak menunjukkan pekali negatif dan tidak signifikan.

Kajian yang dibuat oleh R.J. Mataloni (2011) mendapati firma lebih gemar memilih untuk membuat FDI berdasarkan satu set ciri-ciri yang ada pada sesebuah wilayah dinegara tuan rumah. Kebanyakan ciri-ciri lokasi yang dipilih oleh firma adalah berkaitan dengan ciri-ciri peningkatan produktiviti seperti ketersediaan buruh mahir, pengelompokan industri, kemudahan infrastruktur pengangkutan berbanding ciri-ciri berkaitan faktor harga seperti upah buruh yang rendah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah *survey* dimana 853 firma antarabangsa dan tempatan dipilih sebagai responden. Soal selidik telah dibentuk berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik sebelum ini. Bahagian pertama berkaitan dengan profil responden manakala bahagian kedua pula terdiri daripada pembolehubah penentu letakan lokasi industri oleh firma yang diukur menggunakan skala likert 1 hingga 5 iaitu (*1- sangat puas hati*) dan (*5-sangat tidak puas hati*). Data kajian ini terdiri daripada dua analisis iaitu analisis keseluruhan kepuasan dan analisis penentu kepuasan firma. Analisis keseluruhan kepuasan akan menggunakan *Descriptive Analysis* manakala analisis penentu kepuasan firma akan dianalisis menggunakan *Structural Equation Model* (SEM). Hipotesis yang digunakan adalah seperti berikut:

- H₀ : Model pengukuran dalam model hipotesis sepadan dengan data kajian
 H₁ : Model pengukuran dalam model hipotesis tidak sepadan dengan data kajian

Untuk menilai pengukuran dan struktur model, data dianalisis menggunakan *Structural Equation Model* (SEM) dan diuji menggunakan perisian AMOS. Dalam analisis ini, pembolehubah indikator merupakan pembolehubah yang diukur dengan menggunakan alat kajian, ia juga dinamakan sebagai pembolehubah yang diperhatikan (*Observed Variable*). Pembolehubah indikator terdiri daripada Faktor 1 (Masyarakat), Faktor 2 (Pasaran), Faktor 3 (Undang-undang kerajaan), Faktor 4 (Faktor antarabangsa), Faktor 5 (Pengangkutan dan buruh) dan Faktor 6 (Bahan bakar). Pembolehubah pendam atau *latent variable* pula merupakan pembolehubah yang tidak diukur terus daripada responden tetapi diwakili oleh beberapa pembolehubah indikatornya. Pembolehubah pendam dalam kajian ini merujuk kepada kepuasan firma manakala model yang dicadangkan adalah seperti RAJAH 1.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibincangkan dalam dua bahagian iaitu pertama adalah analisis diskriptif dan kedua pula adalah analisis penentu kepuasan firma bagi mengenalpasti penentu yang benar-benar mempengaruhi kepuasan firma dalam pemilihan lokasi.

Profil responden

Responden terdiri daripada firma antarabangsa yang membuat FDI di Malaysia dan firma tempatan. Terdapat 100 firma antarabangsa dan selebihnya firma tempatan yang dikaji bagi setiap wilayah di Malaysia. Soal selidik telah dibentuk bagi mengetahui faktor-faktor penentu keputusan firma untuk beroperasi di sesebuah lokasi industri di Malaysia. Kepuasan firma terhadap faktor-faktor yang dikaji juga diperolehi dari kajian ini.

JADUAL 1 menunjukkan kebanyakan firma beroperasi di kawasan perindustrian iaitu sebanyak (69%) lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar (11.3%) dan kawasan perumahan sekitar (11.1%). Sementara terdapat 67 firma beroperasi selain daripada lokasi yang dinyatakan.

Kebanyakan firma membuat kajian terlebih dahulu sebelum memilih sesebuah lokasi industri iaitu sekitar (82.4%), sementara hanya (17.6%) tidak membuat kajian. Kajian penting dilakukan untuk memastikan firma mendapat manfaat daripada lokasi yang dipilih selain meningkatkan kecekapan firma bagi meningkatkan keuntungan jangka masa panjang.

Secara umumnya, firma berpuas hati dengan pemilihan lokasi industri. Hasil kajian menunjukkan sebanyak (69.1%) menyatakan lokasi yang dipilih memang pilihan mereka, diikuti (11.8%) menyatakan kos bangunan murah sementara (8.1%) kerana mewarisi perniagaan. Selebihnya masing-masing (5.6%) dan (5.4%) menyatakan kerana terpaksa dan lain-lain. Kebanyakan firma dalam kajian ini adalah daripada syarikat Elektrik dan elektronik (16.4%), Pakaian dan tekstil (4.6%), Besi dan logam (12.6%), Peralatan jentera (4.3%), Makanan dan Minuman (13.1%), Hasil pertanian (3.6%), Bahan kimia (4.0%), Getah (2.8%), Keluaran plastik (6.9%), Gas (0.5%), Kayu dan keluaran kayu (5.4%), Kertas dan percetakan (4.0%), Lain-lain (21.7%). Malaysia terus menggalakkan lebih banyak FDI dan penubuhan firma tempatan baru bagi mencipta lebih banyak peluang pekerjaan selain matlamat merealisasikan aspirasi negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada 2020.

Analisis Diskriptif

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa firma berpuas hati dan sangat berpuas hati dengan kesemua pembolehubah yang dinilai dengan peratusan melebihi 50 peratus berbanding dengan firma yang menyatakan tidak berpuas hati dan sangat tidak berpuas hati iaitu kurang daripada 50 peratus. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah yang dinilai adalah bertepatan dengan keinginan firma dalam menentukan pemilihan lokasi perindustrian sama ada firma tersebut firma tempatan mahupun firma antarabangsa. Hasil kajian juga mendapati bahawa nilai min adalah menghampiri nilai 1 yang bermaksud sangat berpuas hati, ini menunjukkan bahawa kesemua firma yang ditemui menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan pembolehubah yang dinilai bagi menentukan pemilihan lokasi. Maka dapat disimpulkan bahawa kesemua pembolehubah yang dinilai adalah mempengaruhi pemilihan lokasi perindustrian, rujuk JADUAL 2.

Analisis penentu kepuasan firma

Keputusan analisis faktor pengesahan, iaitu *Maximum Likelihood Estimates* menunjukkan bahawa nilai C.R bagi regrasi antara pembolehubah pendam kepuasan firma dengan keenam-enam pembolehubah indikatornya (faktor 1, faktor 2, faktor 3, faktor 4, faktor 5 dan faktor 6) adalah di luar lingkungan ± 1.96 . Oleh itu keenam-enam pembolehubah indikator tersebut merupakan pembolehubah peramal yang signifikan bagi pembolehubah pendam kepuasan firma pada $p < .05$. Berdasarkan keputusan analisis ini hipotesis nol gagal ditolak. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa ketujuh-tujuh model pengukuran yang dibentuk oleh pembolehubah pendam dan pembolehubah-pembolehubah pendam bagi model-model pengukuran dalam model persamaan struktur tersebut, secara signifikan dapat diwakili oleh pembolehubah-pembolehubah indikatornya.

Keputusan *Squared Multiple Correlations* menunjukkan bahawa sebanyak .042 atau 4.2 peratus varians dalam faktor 6 (bahan bakar), .218 atau 21.8 peratus varians dalam faktor 5 (pengangkutan dan buruh), .335 atau 33.5 peratus varians dalam faktor 4 (faktor antarabangsa), sebanyak .402 atau 40.2 peratus varians dalam faktor 3 (undang-undang kerajaan), sebanyak .565 atau

56.5 peratus varians dalam faktor 2 (pasar) dan sebanyak .215 atau 21.5 peratus varians dalam faktor 1 (masyarakat) dapat diramalkan oleh model hipotesis.

Selain itu, keputusan ujian kesepadan model iaitu ujian Khi Kuasa Dua *Goodness-of-Fit* yang tidak signifikan [χ^2 (n=853, df=90 = 8.2, p >0.05), nilai indeks kesepadan NFI, RFI, IFI, TLI dan CFI dalam jadual *Baseline Comparisons* yang melebihi .90 dan nilai RMSEA yang kecil daripada .06 (RMSEA =.000) mengesahkan kebolehpercayaan model pengukuran dalam model persamaan *structural* yang dicadangkan oleh pengkaji secara keseluruhan. Berdasarkan kepada analisis faktor pengesahan ini pengkaji gagal menolak hipotesis nul yang pertama. Secara signifikan model pengukuran yang dicadangkan oleh pengkaji sepadan dengan data kajian yang dikumpulkan daripada responden kajian.

Dapat disimpulkan keputusan analisis SEM menunjukkan bahawa model regresi yang dicadangkan oleh pengkaji adalah sesuai, dimana keenam-enam pembolehubah iaitu masyarakat, pasaran, undang-undang kerajaan, faktor antarabangsa, pengangkutan dan buruh serta bahan bakar merupakan pembolehubah peramal yang signifikan bagi pembolehubah kepuasan firma dimana hasil kajian ini adalah selari dengan kajian yang pernah dijalankan oleh (McConnell dan Schwab, 1990; Young, 1994; Thisse et al.,1995)

Ini menunjukkan bahawa daripada 80 pembolehubah yang diukur bagi menentukan kepuasan firma dalam pemilihan lokasi industri hanya 15 pembolehubah yang terdiri daripada 6 faktor yang menyumbangkan tahap kepuasan yang paling tinggi. Faktor tersebut daripada faktor pertama iaitu masyarakat (kemudahan membeli belah, kemudahan penduduk tempatan, kemudahan perkhidmatan bank dan kemudahan perkhidmatan perpustakaan), kedua adalah faktor pasaran (tren pendapatan, faktor pengguna dan saiz pasaran), ketiga faktor undang-undang kerajaan (kawalan harga dan undang-undang pelaburan korporat), faktor keempat faktor antarabangsa (persaingan global, dan faktor ekonomi), faktor kelima pula adalah pengangkutan dan buruh (kemudahan pengangkutan trak, ketersediaan buruh tidak mahir) dan faktor keenam adalah bahan bakar (kemudahan bahan bakar dan kos bahan bakar). Hubungan kesemua pembolehubah tersebut dengan kepuasan secara jelas dapat dilihat dalam RAJAH 2.


KESIMPULAN

Kajian mendapati terdapat enam faktor yang benar-benar memberi kepuasan kepada firma iaitu faktor masyarakat, pasaran, undang-undang kerajaan, faktor antarabangsa, pengangkutan dan buruh serta bahan bakar. Faktor-faktor ini penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dalam negara terus dijana bagi meningkatkan pendapatan negara, selain memberi manfaat dan keuntungan kepada firma setelah memilih sesuatu kawasan sebagai lokasi industri. Kerajaan juga haruslah sentiasa meningkatkan dan menambahbaik kemudahan sedia ada bagi menarik lebih banyak FDI oleh firma antarabangsa disamping menggalakkan industri baru dikalangan firma tempatan. Persaingan seperti ini akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan boleh meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui peningkatan gaji atau upah buruh.

RUJUKAN

- Coughlin, C, Joseph, V. & Vachira, A. (1990). State government effects on the location of foreign direct investment. *Regional Science Perspectives*, 20, 194-207.
- Coughlin, C, Joseph, V. & Vachira, A. (1991). State characteristics and the location of foreign direct investment within the United States. *The Review of Economics and Statistics*, 73, 675-6.
- Duanmu, J.L., (2010). Firm heterogeneity and location choice of Chinese Multinational Enterprises (MNEs). *Journal of World Business* (1-9)
- Devereux et al., M.P (2007). Firm location decisions, regional grants and agglomeration externalities. *Journal of Public Economics*, 91, 413-435.
- Du, J. et al., (2008). Economic institutions and FDI location choice. *Journal of Comparative Economics*, 36, 412-429.
- Forbes, D. (1982). Energy imperialism and a new international division of resources: the case of Indonesia. *Tijdschrift voor Economische en Sociale Geografie*, 73, 94-108.
- Kang, S.J & Lee H.S. (2007). The determinants of location choice of South Korean FDI in China. *Japan and the World Economy*, 19, 441-460.
- Masood, A. B (2007). Dimensions of Industrial Location Factors: Review and Exploration. *Journal of Business and Public Affairs*, 12, 1-24.

- Mataloni, R..J (2011). The structure of location choice for new U.S. manufacturing investments in Asia-Pacific. *Journal of World Business* ,46, 154–165.
- McConnell & Schwab. R (1990). The impact of environmental regulation on industry location decisions. *Land Economics*, 66, 67-81
- Mazzarol, T & Choo, S. (2003). A study of the factors influencing the operating location decisions of small firms. *Property Management*, 21(2), 190-20.
- Thisse, J. & Wildasin, D. (1995). Optimal transportation policy with strategic locational choice. *Regional Science & Urban Economics*, 25, 395-410.
- Wood, G. & Parr, J. (2005). Transaction costs, agglomeration economics, and industrial location. *Growth and Change*, 36(1), 1-15.
- Young, G. (1994). International competitiveness, international taxation and domestic investment. *National Institute of Economic Review*, 148, 44-48.



RAJAH 1: Model Kepuasan Firma

JADUAL 1: Profil Responden

Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Wilayah		
1. Sabah	60	7.0
2. Sarawak	25	2.9
3. Tengah	215	25.3
4. Utara	228	26.7
5. Selatan	186	21.8
6. Timur	139	16.3
Lokasi operasi		
1. Kawasan perindustrian	595	69.8
2. Kawasan perumahan	95	11.1
3. Kawasan luar Bandar	96	11.3
4. Lain-lain	67	7.9
Kajian		
1. Ya	703	82.4
2. Tidak	150	17.6
Pilihan lokasi		
1. Ya	730	85.6
2. Tidak	123	14.4
Kenapa pilih		
1. Memang pilihan saya	589	69.1
2. Terpaksa	48	5.6
3. Kos bangunan murah	101	11.8

4. Mewarisi perniagaan	69	8.1
5. Lain-lain	46	5.4
Kepuasan		
1. Ya	785	92.0
2. Tidak	68	8.0
Bentuk industri/perniagaan		
1. Elektrik dan elektronik	140	16.4
2. Pakaian dan tekstil	39	4.6
3. Besi dan logam	107	12.6
4. Peralatan jentera	37	4.3
5. Makanan dan minuman	112	13.1
6. Hasil pertanian	31	3.6
7. Bahan kimia	34	4.0
8. Getah	24	2.8
9. Keluaran plastik	59	6.9
10. Gas	4	.5
11. Kayu dan keluaran kayu	46	5.4
12. Kertas dan percetakan	34	4.0
13. Lain-lain	185	21.7
Pemilikan bangunan		
1. Milik sendiri	504	59.1
2. Pajak	20	2.3
3. Sewa	267	31.3
4. Sewa beli	58	6.8
5. Lain-lain	4	.5
Pengukuhan anak syarikat lain		
1. Ya	239	28.0
2. Tidak	612	71.7

Sumber: Kaji selidik 2009


JADUAL 2: Tahap Kepuasan Firma

Pembolehubah	Sangat puas hati	Puas hati	Berkecuali	Tidak puas hati	Sangat tidak puas hati	Min
Kemudahan jalan raya	46.0	45.0	4.0	4.6	0.5	1.69
Kemudahan jalan air	17.2	38.2	32.1	6.7	5.7	2.45
Kemudahan jalan keretapi	12.4	35.4	43.5	4.7	4.0	2.52
Kemudahan saluran paip	27.5	54.9	12.7	3.5	1.4	1.96
Kemudahan perkhidmatan trak	25.0	54.9	15.6	3.9	0.7	2.00
Kemudahan sistem pos	28.3	58.1	11.1	2.1	0.4	1.88
Kemudahan udara	15.4	35.2	37.5	6.2	5.7	2.55
Kemudahan bahan mentah	26.5	54.0	13.1	5.3	1.1	2.02
Kemudahan bahan akhir	28.3	53.3	13.1	4.2	1.1	1.96
Ketersediaan buruh mahir	28.7	58.6	7.0	4.8	0.8	1.90
Ketersediaan buruh tidak mahir	17.4	61.2	14.4	5.3	1.8	2.13
Kadar upah	27.3	60.4	8.3	3.4	0.6	1.90
Tahap pendidikan buruh	23.4	56.6	14.5	4.8	0.6	2.02
Kestabilan buruh	25.8	58.0	9.7	5.6	0.8	1.98
Kemudahan buruh wanita	22.5	58.5	13.7	4.7	0.6	2.02
Kemudahan buruh lelaki	29.8	59.7	7.9	2.5	0.2	1.84
Sikap pekerja	30.7	54.1	9.6	4.6	0.9	1.94
Kos hidup	27.7	55.9	10.3	4.8	1.3	1.96
Lokasi pembekal	31.5	54.4	9.0	4.2	0.8	1.88
Ketersediaan bahan mentah	31.8	53.9	10.4	3.0	0.8	1.87
Hampir dengan bahan komponen	25.7	54.7	14.0	5.0	0.6	2.00

Kemudahan simpanan bahan mentah dan komponen	27.4	54.6	13.7	3.9	0.4	1.95
Kos muatan kargo	20.4	49.7	24.0	4.9	0.9	2.16
Muatan kargo	19.0	49.9	25.8	4.5	0.8	2.18
Kewujudan pasaran pengguna	29.5	57.3	10.2	2.7	0.2	1.87
Kewujudan pasaran pengeluar	27.5	59.3	10.0	3.0	0.1	1.91
Tren pendapatan	25.6	57.4	14.2	2.7	0.1	1.94
Ciri-ciri pengguna	26.5	60.0	11.5	2.0	-	1.89
Saiz pasaran	28.4	57.1	8.8	5.5	0.2	1.92
Lokasi pesaing	25.1	55.9	14.7	4.1	0.2	1.98
Hampir dengan industri berkaitan	26.6	57.4	13.1	5.2	0.4	1.98
Kemudahan pemasaran	26.6	58.7	10.9	3.3	0.4	1.94
Tren populasi	25.4	53.9	16.6	3.4	0.6	2.00
Kos kapal ke kawasan pasaran	17.9	44.8	28.0	7.4	1.9	2.30
Peluang pengembangan masa depan	28.7	55.3	10.2	5.5	0.2	1.93
Jangkaan pertumbuhan pasaran	28.3	55.6	11.3	4.9		1.93
Undang-undang pampasan/gantirugi	27.3	56.2	12.2	3.9	0.5	1.94
Undang-undang insurans	29.4	55.0	11.8	3.5	0.2	1.90
Penyeliaan keselamatan	30.4	52.8	10.8	5.5	0.6	1.93
Alam sekitar	28.8	53.2	11.4	6.2	0.4	1.96
Insentif cukai	26.8	53.5	13.5	5.9	0.4	1.99
Joint venture dan pengabungan	18.9	47.7	24.6	5.7	3.0	2.26
Harga kawalan	18.3	54.0	20.5	5.7	1.4	2.18
Pelaburan korporat	19.8	53.7	20.9	5.4	0.2	2.13
Pemilikan asing	19.3	49.8	24.7	4.6	1.5	2.19
Kos tanah perindustrian	23.4	52.3	14.5	8.9	0.8	2.11
Tanah mudah diperolehi	21.0	51.6	14.3	10.3	2.8	2.22
Kemudahan diperolehi pinjaman (bank)	25.2	54.6	12.7	6.3	1.2	2.04
Dekat dengan industri-industri lain	20.5	59.6	13.2	6.0	0.7	2.07
Ruang pembesaran pada masa hadapan	25.3	54.2	13.1	6.1	1.3	2.04
Kemudahan pusat ibadah	30.7	48.4	15.2	4.3	1.3	1.97
Kemudahan rekreasi	10.9	37.5	35.5	10.8	5.3	2.62
Kemudahan sekolah dan pendidikan	24.5	48.2	22.6	3.8	0.9	2.08
Kemudahan institusi penyelidikan	20.7	50.4	19.8	6.9	2.1	2.20
Kemudahan perubatan dan kesihatan	31.7	50.6	14.1	3.3	0.4	1.90
Kemudahan pusat membeli belah	21.3	46.5	22.7	6.1	3.3	2.23
Sikap penduduk setempat	25.3	56.3	13.6	4.3	0.5	1.98
Kemudahan hotel dan motel	13.6	42.7	29.7	8.6	5.5	2.50
Kemudahan perkhidmatan perbankan	25.6	51.6	15.8	5.5	1.5	2.06
Kemudahan perkhidmatan perpustakaan	14.7	40.0	30.2	10.1	5.0	2.51
Kualiti bekalan air	37.2	49.2	6.6	5.5	1.5	1.85

Bekalan air yang cukup	38.0	49.0	7.9	4.2	0.9	1.81
Kos bekalan air	33.6	51.1	7.6	5.6	2.0	1.91
Kemudahan bahan bakar	30.8	50.5	12.4	4.8	1.4	2.09
Kos bahan bakar	28.1	47.1	13.7	8.2	2.8	2.10
Kemudahan kuasa elektrik	37.9	49.5	7.6	4.0	1.1	1.81
Kos kuasa elektrik	32.6	48.8	8.0	8.9	1.8	1.98
Kemudahan pengurusan sisa kilang	31.2	47.1	13.2	6.4	2.0	2.01
Penilaian asas cukai	20.4	59.4	15.6	4.0	0.6	2.05
Kadar cukai harta industri	18.1	59.7	16.6	5.0	0.6	2.10
Struktur cukai korporat	19.2	55.6	18.5	5.7	0.9	2.14
Cukai jualan	21.6	56.9	15.0	6.0	0.6	2.07
Kemudahan operasi bebas cukai	21.6	53.8	17.0	5.7	1.9	2.13
Kedaaan hidup	32.4	55.6	9.8	2.1	0.1	1.82
Isu keselamatan	31.8	52.9	8.1	6.8	0.5	1.91
Pencemaran udara	27.4	51.2	11.6	9.3	0.5	2.04
Kestabilan politik	28.8	49.8	12.4	8.7	0.2	2.02
Persaingan global	26.7	56.9	11.3	4.8	0.4	1.95
Undang-undang kerajaan	27.8	59.4	8.2	4.1	0.5	1.90
Faktor ekonomi	32.2	51.9	6.3	8.6	0.9	1.94

Sumber: Kaji selidik 2009



RAJAH 2: Model kepuasan firma